

5226/2

Tasawwur Islam

Kertas 2

Okt/Nov 2010

2  $\frac{1}{2}$  jam

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010**

**TINGKATAN EMPAT**

**TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 2**

**Dua Jam Tiga Puluh Minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan sahaja.

Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

*Disediakan oleh:*

**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*

**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*

*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

**Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.**

- 1 (a) (i) Apakah maksud Rububiyah? [ 2 markah ]  
 (ii) Nyatakan **dua** konsep Rububiyah. [ 4 markah ]  
 (iii) Terangkan **dua** perbezaan antara orang yang beragama dengan orang yang tidak beragama. [ 4 markah ]
- (b) Sifat maksum hanya dikurniakan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul.  
 (i) Nyatakan **dua** sebab mengapa nabi dan rasul dikurniakan sifat tersebut. [ 2 markah ]  
 (ii) Senaraikan sifat mustahil bagi rasul satu persatu. [ 4 markah ]
- (c) Terangkan **dua** keistimewaan insan. [ 4 markah ]
- 2 (a) (i) Nyatakan pengertian alam. [ 2 markah ]  
 (ii) Jelaskan **dua** hikmat Allah SWT merahsiakan hakikat alam ghaib. [ 4 markah ]  
 (iii) Nyatakan **empat** contoh alam ghaib yang wajib diimani oleh setiap manusia. [ 4 markah ]
- (b) Alam semulajadi rosak disebabkan oleh perbuatan manusia.  
 (i) Jelaskan **dua** punca kerosakan alam. [ 4 markah ]  
 (ii) Senaraikan **tiga** sumbangan alam terhadap kehidupan manusia. [ 6 markah ]
- 3 (a) Al-Quran merupakan panduan agung kepada seluruh umat manusia di dunia ini.  
 (i) Nyatakan pengertian al-Quran. [ 2 markah ]  
 (ii) Terangkan **dua** keistimewaan al-Quran. [ 4 markah ]
- (b) (i) Nyatakan **empat** ciri akal. [ 4 markah ]  
 (ii) Jelaskan **dua** perkara yang merosakkan akal. [ 4 markah ]
- (c) (i) Nyatakan pengertian hadis. [ 2 markah ]  
 (ii) Huraikan **dua** cara berfikir yang menepati syarak. [ 4 markah ]
- 4 (a) Islam agama yang meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat.  
 (i) Terangkan **dua** daripada prinsip Syumuliyah. [ 4 markah ]  
 (ii) Huraikan aspek syumuliyah dalam bidang berikut;  
     (a) Ekonomi [ 2 markah ]  
     (b) Perundangan [ 2 markah ]
- (iii) Apakah implikasi meragui kesyumulan Islam. [ 2 markah ]

- (b) (i) Nyatakan **dua** prinsip Alamiyyah. [ 4 markah ]  
(ii) Senaraikan **empat** hak asasi yang dijamin oleh Islam. [ 4 markah ]  
(iii) Berikan pendapat anda mengapakah Islam memberi kebebasan kepada umatnya dalam mengeluarkan pendapat. [ 2 markah ]
- 5 (a) Allah telah mempertanggungjawabkan manusia sebagai khalifah di dunia berdasarkan kepada kejadian manusia yang sempurna.  
(i) Terangkan **dua** tanggungjawab khalifah. [ 4 markah ]  
(ii) Jelaskan **dua** implikasi pengabaian tanggungjawab khalifah. [ 4 markah ]
- (b) (i) Nyatakan **dua** matlamat negara Islam. [ 4 markah ]  
(ii) Senaraikan ciri-ciri negara Islam. [ 4 markah ]  
(iii) Terangkan **dua** sebab pemimpin perlu bertanggungjawab. [ 4 markah ]
- 6 (a) Salah satu daripada tanggungjawab hakim ialah menjatuhkan hukuman dengan adil dan saksama.  
(i) Jelaskan **dua** daripada tanggungjawab hakim selain di atas. [ 4 markah ]  
(ii) Senaraikan **empat** kelayakan hakim yang dituntut oleh Islam. [ 4 markah ]
- (b) (i) Terangkan **dua** bentuk ancaman budaya asing yang dihadapi oleh umat Islam masa kini. [ 4 markah ]  
(ii) Nyatakan **dua** ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam. [ 4 markah ]  
(iii) Jelaskan **dua** bahaya ajaran sesat kepada umat Islam. [ 4 markah ]
- 7 (a) (i) Nyatakan pengertian tawakkal. [ 2 markah ]  
(ii) Jelaskan **dua** kelebihan sifat tawakkal. [ 4 markah ]
- (b) Gejala perzinaan dalam kalangan remaja dewasa ini sangat membimbangkan.  
(i) Nyatakan **dua** faktor yang mendorong berlaku gejala zina. [ 4 markah ]  
(iii) Terangkan **tiga** cara mengatasi masalah tersebut. [ 6 markah ]
- (c) Jelaskan **dua** tanggungjawab individu terhadap Allah SWT. [ 4 markah ]

### KERTAS SOALAN TAMAT